KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	20.06.22	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	JKPTG			

Tanah rizab Melayu didakwa hanya tinggal kira-kira 12 peratus

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penyusutan tanah rizab Melayu, pendidikan dan hal ehwal ekonomi menjadi tiga isu utama yang perlu diberi perhatian serius oleh orang Melayu di negara ini.

Perkara itu juga akan diangkat sebagai teras perjuangan Lembaga Peradaban Melayu (ADAB), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan bagi mengasuh anjakan minda bangsa untuk menghadapi segala tekanan dan cabaran semasa.

Timbalan Pengerusi ADAB, Prof Datuk Dr Zainal Kling menegaskan, isu tanah rizab Melayu adalah isu besar kerana jumlah tanah berstatus demikian berkurangan dengan mendadak daripada lebih 50 peratus suatu ketika dulu kepada hanya kira-kira 12 peratus ketika ini.

"Ia sudah diambil dan dibangunkan dengan pelbagai projek, projek kerajaan dan projek perumahan. Walaupun ada undang-undang (tanah rizab yang diambil) mesti diganti serta-merta, tetapi tidak digantikan.

Nasional 3